

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Thursday, July 26, 2018 11:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Kejohanan Memanah Terbuka UUM 2018 Melabuhkan Tirai



26 JULAI 2018 / 13 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA UUM 2018 MELABUHKAN TIRAI



PSUKAN ONLINE : Sebanyak 26 kelab memanah tempatan telah menyertai Kejohanan Memanah Terbuka UUM 2018 yang lalu.

Kejohanan anjuran Pusat Sukan dengan kerjasama Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) serta Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini berlangsung dari 17 hingga 22 Julai yang lalu di Lapang Sasar Memanah UUM.

Perasmian penutup dan penyampaian hadiah kejohanan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan, Dr. Mohammad Zaki B. Ahmad mewakili Yang Berusaha Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Dr. Noor Azimin Bt. Zainol, Pengarah GSEEP.

Beliau dalam ucapannya berkata Kejohanan Memanah Terbuka UUM adalah kesinambungan dan acara tradisi kepada Universiti Utara Malaysia serta akan dipertimbangkan untuk dijalankan secara tahunan.

“Untuk edisi tahunun hadapan, penganjur akan memastikan kejohanan memanah ini akan menjadi lebih mencabar dengan penyertaan daripada pasukan dan kelab antarabangsa. Setakat ini, kelab dan pasukan daripada Thailand, Singapura dan Vietnam telah menunjukkan minat untuk turut serta dalam pertandingan akan datang. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan minat dan kesedaran masyarakat mengenai sukan memanah terutamanya dalam kalangan siswa dan siswi”.

Tambah beliau kejohanan itu juga menjadi acara penting dalam kalendar sukan memanah tempatan serta menyediakan platform bagi semua pasukan dan kelab bagi mengukur kemajuan pasukan masing-masing untuk bersaing di pentas penganjuran terbaik.

Pada hari terakhir kejohanan, pasukan MSN Negeri Sembilan telah muncul Juara Keseluruhan, sementara MSN Perak merangkul tempat ke-2 dan tempat ke-3 telah disandang oleh pasukan ATM.

Pelbagai aktiviti sampingan yang menarik turut diaturkan oleh pihak GSEEP sepanjang kejohanan tersebut berlangsung. Antaranya adalah kepelbagaian *Food Truck* dengan aneka menu yang ada. Selain daripada itu, turut diadakan pameran dan jualan kelengkapan memanah oleh pembekal luar.

Hadir sama pada majlis penutup kejohanan itu, Pegawai-Pegawai Kanan UUM dan Pusat Sukan.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.